

Soalan (S): Industri p-hailing semakin meluas dan popular. Apa kepentingannya dalam aspek ekonomi individu membabitkan diri sebagai pekerja?

Jawapan (J): Prestasi ekonomi dunia, termasuk Malaysia menjadi semakin mencabar terutama dengan keadaan pasca pandemik COVID-19 dan situasi geopolitik antarabangsa. Kemunculan industri p-hailing membantu menyediakan peluang pekerjaan, terutama bagi mereka yang terpaksa berdepan cabaran susulan situasi tidak menentu, selain ada dalam kalangan mereka kurang berpendidikan atau kemahiran.

Bagi mereka yang mempunyai tahap pendidikan tinggi, pembabitan dalam sektor ini mungkin tidak menjadi keputusan jangka panjang kerana berpandangan ia boleh menghalang mereka daripada beralih kepada kerjaya berorientasikan kemahiran pada masa akan datang.

S: Apakah kebaikan atau sumbangan ditawarkan industri p-hailing kepada Malaysia?

J: Industri p-hailing amat membantu ekonomi negara, terutama mengurangkan kesan pandemik. Pertama, ia membantu menurunkan kadar pengangguran keseluruhan negara, khasnya di kawasan bandar.

Kedua, kadar pekerjaan lebih tinggi meningkatkan kuasa beli keluarga, mengurangkan pergantungan kepada bantuan kerajaan dan meningkatkan pendapatan negara. Ketiga, p-hailing membantu mengurangkan tahap mobiliti awam dan seterusnya menghentikan penyebaran COVID-19 dan ini terbukti sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini.

S: Apa kesan tindakan boikot oleh penghantar melalui 'Food Delivery Blackout', baru-baru ini?

J: Saya berpandangan kempen itu tidak memberi kesan kepada perniagaan atau perkhidmatan p-hailing disebabkan tarikh kempen sudah diumumkan dan ia dilaksanakan dengan cepat, secara kecil-kecilan dengan hanya di satu lokasi. Isu paling utama mereka ketengahkan adalah soal kebijakan yang mungkin menyebabkan timbul rasa tidak puas hati.

Sebenarnya penunggang p-hailing dianggap sebagai pekerjaan berisiko tinggi kerana terdapat risiko kece-

Pekerjaan lebih berisiko patut dibayar upah tinggi

Perkhidmatan penghantaran makanan, minuman dan bungkusan menggunakan motosikal atau p-hailing di Malaysia terus berkembang, menunjukkan potensi besar untuk menjadi antara penggerak berterusan rantai ekonomi negara. Namun, ada isu yang perlu diselesaikan segera, khususnya aspek keselamatan dan kebijakan penghantar atau penunggang motosikal yang terbabit. Dakwaan mengenai kadar upah tidak tetap, tambang tidak setimpal dan manipulasi oleh syarikat pengendali dibangkitkan dengan kemuncaknya adalah mogok 24 jam oleh penghantar makanan daripada pelbagai syarikat penyedia pada Jumaat minggu lalu.

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim

mohd_iskandar@bh.com.my

deraan dan kemalangan jalan raya. Oleh itu, saya berpendapat penghantar harus dibayar lebih banyak dan ada kesatuhan untuk perjuangkan hak mereka, khasnya dalam hal pembayaran perkhidmatan.

S: Akta Pengangkutan Jalan 1987, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 akan dipinda bagi mengawal selia p-hailing. Apa pandangan Prof?

J: Hasil perubahan tiga undang-undang ini bakal menyaksikan had umur minimum penunggang p-hailing turun daripada 21 kepada 18 tahun. Namun, statistik menunjukkan banyak kematian dan kecederaan di jalan raya di negara kita membabitkan pengguna motosikal berusia 18 hingga 21 tahun. Saya lihat penurunan had umur ini boleh menyumbang kepada lebih banyak kemalangan dan kematian.

Justeru, latihan mandatori mengenai undang-undang jalan raya perlu diterapkan dengan lebih ketat bagi membantu penunggang belajar bagaimana menangani situasi lalu lintas yang berbeza, tetapi ia harus diperbaiki dengan

memberikan lebih banyak latihan secara langsung. Ini sangat penting bagi penunggang berumur 18 hingga 21 tahun dan penunggang yang diketahui berisiko tinggi seperti kerap terbabit kemalangan jalan raya.

S: Bagaimana dengan langkah untuk mewajibkan lesen vokasional bagi penggiat sektor ini?

J: Semua pemandu kenderaan penghantaran barang, seperti van dan lori, mestilah mempunyai lesen kenderaan barang (GDL) kerana mereka biasanya bawa lebih banyak barang dan perjalanan lebih jauh. Bagi penunggang p-hailing ini tidak berlaku, sebaliknya lebih penting melaksanakan banyak dasar dan bantuan untuk meningkatkan tahap keselamatan jalan raya dalam kalangan mereka, termasuk latihan lebih praktikal dan jadikan mereka lebih kelihatan kepada pemandu lain pada waktu siang serta malam.

S: Pandangan Prof apa wajar dilaksanakan kerajaan untuk membantu penggiat bidang ini supaya mereka tidak berasa ditindas?

J: Saya sokong sepenuhnya

J: Di pihak kerajaan; penunggang dan pemandu p-hailing yang berdaftar dengan agensi berkaitan akan diiktiraf status pekerjaan rasmi, akan mempunyai status pekerjaan tetap dan kerajaan secara rasmi bertanggungjawab terhadap kebijakan mereka. Jika hanya berstatus pekerjaan sambilan, ini tidak dapat dicapai kerana tiada undang-undang dan peraturan mencukupi untuk melindungi kebijakan serta hak pekerja sambilan.

Dari segi pekerja p-hailing pula, berdasarkan statistik tidak rasmi, terdapat kira-kira 100,000 penunggang p-hailing di negara ini. Dijangkakan jumlah ini meningkat ketara pada tahun depan. Oleh itu, saya cadangkan satu kesatuan rasmi untuk pemandu p-hailing diiktiraf undang-undang buruh ditubuhkan untuk melindungi kebijakan dan hak mereka.

S: Perlukah diwujudkan undang-undang bersesuaian untuk kawal selia sektor p-hailing, sekali gus membela penggiatnya dan membolehkan mereka menjana pendapatan lebih baik?

J: Saya sokong sepenuhnya

usaha kerajaan mengawal selia dasar dan mewujudkan peraturan lebih sesuai bagi sektor ekonomi gig berkenaan. Ini bukan sahaja untuk melindungi kebijakan dan hak mereka, tetapi memastikan keselamatan orang ramai apabila ia membabitkan jalan raya.

Saya berpandangan antara usaha mengelakkan penunggang p-hailing terbabit dalam kesalahan jalan raya adalah merangka satu dasar berkaitan tempoh penghantaran barang.

S: Mungkinkah sektor p-hailing mampu jadi sumber menjana hasil untuk negara?

J: Perkhidmatan p-hailing mempunyai kesan dan peranan besar kepada industri perniagaan perkhidmatan pengangkutan dan menyumbang kepada peningkatan operasi perniagaan. Ini disebabkan mereka menawarkan perkhidmatan penghantaran syif dan meningkatkan hubungan perkhidmatan perniagaan. Dengan menjimatkan pemilik perniagaan dan masa orang awam atau pelanggan, ia membantu meningkatkan pendapatan peniaga.

Industri p-hailing juga antara sektor paling pesat berkembang. Campur tangan, peraturan dan dasar sesuai diperlukan untuk memastikan pertumbuhan industri ini sihat. Setiap penunggang p-hailing berdaftar perlu diberikan status pekerjaan rasmi dan dengan ini, hak kebijakan mereka lebih terjaga.

Kedua, setiap penunggang p-hailing juga perlu dididik dengan kemahiran dan pengetahuan diperlukan dalam aspek keselamatan jalan raya, terutama dalam kalangan penunggang muda. Ini untuk memastikan keselamatan mereka serta orang ramai.

“ Latihan mandatori mengenai undang-undang jalan raya perlu diterapkan dengan lebih ketat bagi membantu penunggang belajar bagaimana menangani situasi lalu lintas yang berbeza, tetapi ia harus diperbaiki dengan memberikan lebih banyak latihan secara langsung”

